From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 14 July, 2022 4:18:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PRASARANA USANG UNIVERSITI DIBERI PERHATIAN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 JULAI 2022 / 14 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PRASARANA USANG UNIVERSITI DIBERI PERHATIAN



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menginjak usia hampir 40 tahun menyaksikan pelbagai prasarana sedia ada dimamah usia yang sekali gus mampu menggugat keselamatan dan kesejahteraan

warga kampus.

Hal inilah yang diutarakan oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah kepada delegasi lawatan kerja dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan ke UUM, pagi tadi.

Pada pertemuan yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Naib Canselor itu, Haim Hilman turut memberi taklimat ringkas tentang universiti selain daripada keadaan prasarana universiti yang agak uzur dan perlu dibaik pulih.

Beliau turut berharap agar bajet untuk pembaikan dan penyelenggaraan fasiliti dapat dipertimbangkan sebaik mungkin demi memastikan kesejahteraan dan keselamatan warga kampus terpelihara.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan, Foo Sook Fuang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UUM yang sudi menerima kunjungan mereka.

Menurut beliau, tujuan kunjungan untuk meninjau keadaan dan peralatan usang di dalam kampus yang seterusnya akan dibawa kepada pihak berkenaan untuk diambil perhatian.

Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Ir. Md. Uzairin Saidin turut menyampaikan taklimat berkenaan Cadangan Pembaikan Fasiliti dan Infrastruktur Usang kepada delegasi berkenaan.

Sejurus selepas taklimat, delegasi dibawa melawat ke beberapa tempat sekitar universiti ini bagi membolehkan mereka melihat dengan lebih dekat keadaan kampus.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.